

27 OCT 2001

DR MAHATHIR NILAI RESORT DAN PERTANIAN DI KOREA DAN JEPUN

PETALING JAYA, 27 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau melawat Korea Selatan dan Jepun untuk berehat serta mempelajari perkembangan terkini pembangunan resort dan kemajuan dalam sektor pertanian.

Bercakap selepas pulang daripada kunjungan sembilan hari ke China di mana beliau menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai serta ke Korea Selatan dan Jepun, Dr Mahathir berkata beliau mahu melihat sendiri bagaimana Pulau Chaeju (Korea Selatan) dimajukan sebagai sebuah pusat percutian.

Dr Mahathir, yang bercuti di Pulau Chaeju bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali berkata beliau juga memerhatikan pembangunan taman botanikal dan cara-cara bagaimana ia boleh dimajukan di Malaysia.

Perdana Menteri juga melawat Nagasaki di Jepun, yang mempunyai sektor pertanian yang diurus dengan baik.

Dr Mahathir berkata selain melawat kedua-dua tempat ini, beliau juga mengambil peluang untuk menyiapkan kerjanya.

"Saya cuba hendak habiskan kerja-kerja saya... Kalau saya duduk di sini saya tidak boleh buat apa kerana orang kacau. Kalau di pejabat, pagi sampai petang orang datang. Oleh itu saya perlu bercuti untuk menghabiskan kerja," katanya.

-- BERNAMA

MSL SHY ZK PR